

07/07/2001

Anwar diperintah bayar RM18,489 kepada Dr M

KUALA LUMPUR, Jumaat - Mahkamah Persekutuan hari ini memerintahkan Datuk Seri Anwar Ibrahim membayar kos sebanyak RM18,489 kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung rayuannya dalam saman malu yang ditolak, Februari lalu.

Timbalan Pendaftar, S Kalyana Kumar, membuat keputusan itu selepas mendengar hujah peguam bela Dr Mahathir, Fadzilah Mohd Pilus dan Karpal Singh yang mewakili Anwar.

Dr Mahathir menuntut kos sebanyak RM102,114 daripada Anwar tetapi Kalyana Kumar hanya membenarkan RM18,489.

Pada 17 April lalu, Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi, Rozilah Salleh memerintahkan Anwar membayar kos sebanyak RM85,284.80 kepada Dr Mahathir berhubung saman malu RM100 juta yang ditolak oleh Hakim Datuk Kamalanathan Ratnam.

Dr Mahathir memohon kos perbicaraan sebanyak RM203,958.80 daripada Anwar berhubung saman malu itu yang ditolak Mahkamah Tinggi.

Saman Anwar yang difailkan pada 30 Ogos 1999 itu dibawa ke Mahkamah Tinggi tanpa menjalani perbicaraan penuh.

Mahkamah Rayuan mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi pada 9 Disember tahun yang sama.

Dalam samannya, Anwar mendakwa Dr Mahathir pada 22 September 1998 "secara palsu dan dengan niat jahat" bercakap kepada wartawan asing dan tempatan dalam sidang akhbar menuduhnya melakukan tindakan tidak bermoral.

Pada Februari lalu, Ketua Hakim Negara, Tan Sri Mohd Dzaidin Abdullah, yang bersidang bersama Hakim Besar Malaya, Tan Sri Wan Adnan Ismail dan Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Abdul Malek Ahmad menolak permohonan Anwar bagi mendapat kebenaran merayu terhadap keputusan Mahkamah Rayuan.

(END)